

12 NOV 1999

Azizah-Bertanding

WAN AZIZAH SAH BERTANDING PILIHAN RAYA

KUALA LUMPUR, 12 Nov (Bernama) -- Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan) Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail hari ini mengesahkan beliau akan bertanding pada pilihan raya umum 29 November depan.

Katanya beliau akan bertanding untuk merebut kerusi Parlimen di salah satu daripada tiga kawasan -- Permatang Pauh di Pulau Pinang, Kubang Pasu di Kedah dan Lembah Pantai di sini.

Permatang Pauh diwakili oleh suaminya Datuk Seri Anwar Ibrahim sebelum pembubaran Parlimen semalam, manakala Kubang Pasu oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya mungkin akan bertanding di Permatang Pauh, Kubang Pasu atau Lembah Pantai...tetapi yang mana satu, saya tidak dapat nyatakan, tunggulah hari penamaan calon nanti," katanya pada sidang media di rumahnya di Jalan Setiamurni Satu di Bukit Damansara di sini.

Ditanya mengapa beliau masih belum menetapkan kawasan pilihan raya yang akan ditandinginya, Dr Wan Azizah berkata: "Kami mempunyai jawatankuasa yang akan meneliti beberapa kriteria yang perlu dipenuhi."

Dr Wan Azizah berkata partinya akan berkempen dengan memperjuangkan isu-isu seperti "keadilan untuk semua, rasuah, salahguna kuasa di kalangan pemimpin kerajaan dan ketelusan pentadbiran" yang memang telah menjadi asas perjuangan parti.

"Terserahlah kepada pengundi untuk memberi mandat mereka. Kami hanya berharap mereka membuat pilihan yang tepat," katanya.

Beliau berkata parti-parti pembangkang yang menggelarkan diri mereka Barisan Alternatif memang telah bersedia menghadapi pilihan raya ini.

"Kami sudah bersedia sebaik yang mungkin. Sebagai pakatan baru, kami berada pada tahap yang terkuat setakat ini," katanya.

Dr Wan Azizah juga berkata beliau berjumpa dengan Anwar pagi ini di Penjara Sungai Buloh.

"Semasa berjumpa Anwar pagi tadi, beliau memberitahu saya supaya bekerja keras. Ini adalah masa yang paling sukar tetapi beliau merasakan kami boleh melakukannya," katanya.

Ketika diminta mengulas mengenai peletakan jawatan Ketua Wanita parti itu Nell Datuk Onn, Azizah berkata pengunduran Nell tidak memberi apa-apa kesan besar kepada parti tersebut.

"Saya tidak ada apa-apa rungutan. Dia mempunyai sebab-sebab tersendiri untuk meletak jawatan dan walaupun tindakan yang dibuat itu adalah secara mengejut, tetapi beliau telah meninggalkan asas yang kuat untuk diteruskan oleh pelapis muda parti," katanya.

Ditanya sama ada kemungkinan lebih ramai lagi akan mengikuti jejak Nell atau mungkin "lompat-melompat" ke parti lain, Azizah berkata itu adalah perkara biasa dalam politik.

"Ia adalah biasa...ada juga (anggota) parti PAS masuk Umno, Umno masuk PAS," katanya.

Nell, adik bekas Perdana Menteri Tun Hussein Onn, menghantar surat peletakan jawatan semalam berkuatkuasa 4 November lepas.

-- BERNAMA

jay nha lat